



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 6 TAHUN 2024

STRATEGI PELAKSANAAN MENGHINDARI PLASTIK SEKALI GUNA

JABATAN PERDANA MENTERI

12 Julai 2024

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Syarikat Berkaitan Kerajaan



**JABATAN PERDANA MENTERI
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

Setia Perdana 8, Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

Telefon : 603-8872 3333
Faks : 603-8872 3755
Emel : jpm@jpm.gov.my
Web : <http://www.jpm.gov.my>

Ruj. Kami: NRES.BPAS.700-2/1/1 (10)

Tarikh : 12 Julai 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri Semua
Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Syarikat Berkaitan Kerajaan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 6 TAHUN 2024

STRATEGI PELAKSANAAN MENGHINDARI PLASTIK SEKALI GUNA

TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk melaksanakan Strategi Pelaksanaan Menghindari Plastik Sekali Guna di Kementerian dan Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan sebagai langkah susulan Kempen yang diperkenalkan melalui Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2019.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat *United Nations Environment Assembly 5.2 (UNEA 5.2)* yang berlangsung pada 28 Februari hingga 2 Mac 2022 telah memberi mandat kepada *United Nations Environment Program (UNEP)* untuk memulakan proses rundingan ke arah pembentukan Perjanjian Plastik Global (*Global Plastic Treaty*) yang selari dengan Resolusi 5/14 – *End plastic pollution: Towards an international legally binding instrument*. Pembentukan Perjanjian Plastik Global masih di peringkat rundingan melalui platform *Intergovernmental Negotiating Committee (INC)*.

3. Perjanjian Plastik Global ini dijangka akan memberikan implikasi kepada negara sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kandungan Perjanjian Plastik Global yang sedang digubal ketika ini telah menyatakan kawalan tadbir urus secara perundangan kepada industri plastik di peringkat *upstream* (kawalan bahan pembuatan plastik), *midstream* (proses pembuatan/reka bentuk plastik) dan *downstream* (pengurusan sisa plastik). Sehubungan dengan itu, Malaysia perlu bersedia dengan obligasi-obligasi kepada Perjanjian Plastik Global ini setelah ia dimuktamadkan kelak dan sebelum ia diratifikasi oleh Negara.
4. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah melaksanakan usaha dan inisiatif pelestarian plastik. Dalam hal ini, Kerajaan serius menangani isu pencemaran plastik terutamanya plastik sekali guna (*single use plastic* - SUP) yang memberi kesan kepada alam sekitar, kesihatan awam dan ekonomi negara. Oleh yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah merangkakan inisiatif pelestarian plastik melalui Pelan Hala Tuju ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030 (Pelan SUP) dan Rangka Kerja Pelestarian Plastik Malaysia 2021-2030 (*Malaysia Plastics Sustainability Roadmap* - MPSR).
5. Secara objektifnya, pelaksanaan Pelan SUP adalah mensasarkan pengurangan (*phasing-down*) dan seterusnya penghapusan (*phasing-out*) penggunaan plastik sekali guna. Manakala MPSR pula adalah sebagai satu panduan kepada pemain industri plastik di setiap peringkat iaitu hulu (*upstream*), pertengahan (*midstream*) dan hiliran (*downstream*) bagi peralihan adil (*just transition*) daripada ekonomi linear kepada ekonomi kitaran.
6. Selain itu, Kerajaan turut menekankan pelaksanaan pelbagai inisiatif rendah karbon bagi menyokong komitmen negara untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gas* - GHG) yang merentas ekonomi sebanyak 45% (berdasarkan KDNK) pada tahun 2030 berbanding intensiti pelepasan GHG pada tahun 2005.

7. Kerajaan juga sedang melaksanakan pelbagai usaha untuk beralih ke ekonomi rendah karbon selaras dengan aspirasi pelepasan GHG sifar bersih negara pada tahun 2050. Selain memenuhi sasaran perubahan iklim negara, usaha-usaha ini juga akan memenuhi ekspektasi pelbagai pihak terhadap isu perubahan iklim dan seterusnya memastikan Malaysia tidak ketinggalan serta selari dengan perkembangan serupa di peringkat Negara dan antarabangsa.

TAFSIRAN

8. **Kementerian, agensi kerajaan persekutuan dan negeri** bermaksud semua Kementerian, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan.

9. **Plastik sekali guna** bermaksud bahan yang diperbuat daripada plastik yang digunakan hanya sekali dan kemudian dibuang.

STRATEGI MENGHINDARI PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA

10. Panduan Kempen Hindari Plastik Sekali Guna bagi Kementerian dan Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan diyakini telah dilaksanakan melalui Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2019.

11. Bagi meneruskan komitmen Kerajaan dalam menangani pencemaran sisa plastik khususnya plastik sekali guna, maka Kerajaan akan bertindak lebih proaktif dan lebih kehadapan serta dapat memberikan contoh amalan pengurusan terbaik (*best management practices*) kepada semua organisasi dan masyarakat. Maka, melalui Surat Pekeliling Am ini, semua Kementerian dan Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan **hendaklah** melaksanakan tindakan menghindari penggunaan plastik sekali guna di

organisasi masing-masing semasa mesyuarat, majlis rasmi serta apa-apa program seperti berikut:

- i. menggantikan botol minuman plastik dengan botol kaca atau menyediakan jag air;
- ii. menggantikan pembalut plastik (*plastic wrap*) di piring/pinggan/mangkuk dengan penutup makanan yang boleh diguna semula;
- iii. tidak menyediakan pinggan/piring/mangkuk/cawan/ kutleri bersifat sekali guna serta mengelakkan penggunaan straw plastik; dan
- iv. menyediakan *water dispenser* untuk kemudahan isian semula.

12. Selain itu, amalan-amalan baik seperti di bawah **hendaklah** diteruskan pelaksanaannya.

- i. membawa bekas makanan, sudu, garpu dan penyedut minuman yang boleh diguna semula untuk kegunaan peribadi;
- ii. menggunakan beg woven atau beg khas yang boleh diguna semula semasa membeli makanan dan minuman di kafeteria;
- iii. menguar-uarkan amalan terbaik yang dilaksanakan di dalam semua platform komunikasi terutamanya media sosial;
- iv. menyediakan bahan promosi berbentuk infografik, video dan lain-lain pendekatan; dan
- v. memberikan penghargaan kepada organisasi dan warga kerja yang komited dalam mengurangkan penggunaan plastik sekali guna.

13. Melalui Surat Pekeliling Am ini, pelaksanaan Strategi Menghindari Plastik Sekali Guna boleh diperluaskan ke seluruh organisasi kerajaan dan swasta yang akan turut melibatkan institusi pengajian, agensi swasta dan organisasi atau pertubuhan bukan kerajaan.

TARIKH KUAT KUASA

14. Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

15. Tertakluk kepada penerimaannya dan kaedah pelaksanaan organisasi masing--masing, peruntukan Surat Pekeliling Am ini adalah sebagai Strategi Pelaksanaan Menghindari Plastik Sekali Guna di Kementerian dan Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan.

PEMBATALAN

16. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Am ini, Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2019 adalah dibatalkan.


MAKLUMAT PERTANYAAN

17. Sebarang pertanyaan berhubung Pekeliling ini, hubungi:

Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 5, Blok F11, Kompleks F
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA
(up: Setiausaha Bahagian Pengurusan Alam Sekitar)
Tel: 03-8091 7043
E-mel: roslinda.ulang@nres.gov.my

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI)
Ketua Setiausaha Negara